



Utusan  
ONLINE

Mobile LIVE UM TV f t

Home Berita Video Rencana Hiburan Bisnes Pendidikan S & T Gay

EKONOMI KORPORAT SIARAN AKHBAR USAHAWAN AUTOMOTIF HARTANAH TEKNOLOGI

Utusan Online / Bisnes / Korporat /

## Golfing Made Affordable

[golf4u.com.my](http://golf4u.com.my)

Quality Used golf Clubs Taylormade, Titleist, Callaway,Ping

Book from o

[malaysiaairlines.com](http://malaysiaairlines.com)

Last day to book fa

# MSM catat pertumbuhan hasil 8.2 peratus

24 Ogos 2016 12:41 AM

0 0 0 0

KUALA LUMPUR 23 Ogos – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) mencatatkan pertumbuhan hasil 8.2 peratus kepada RM1.18 bilion pada separuh tahun pertama 2016 walaupun menghadapi cabaran aliran harga global gula mentah yang kian meningkat dan kadar pertukaran ringgit tidak menguntungkan berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).



Mohamad Amri Sahari

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari (gambar) berkata, MSM mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 7.7 peratus pada suku kedua kepada RM633.86 juta berbanding RM588.32 juta pada tahun sebelumnya, selain merekodkan pertumbuhan jumlah jualan sebanyak empat peratus.

Katanya, keputusan tersebut disokong oleh jualan yang lebih tinggi bagi segmen domestik dan eksport iaitu masing-masing sebanyak 19 peratus dan 22 peratus.

“Industri gula global dipengaruhi oleh harga gula mentah yang kian meningkat. Atas faktor ini, kami amat berhati-hati dengan keadaan pasaran semasa.

“Kini, keutamaan kami adalah untuk menumpu pada pelan pertumbuhan sedia ada dan kekal kukuh untuk mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun ini,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Mohamad Amri berkata, peningkatan mendadak harga komoditi serta tinjauan pasaran pertukaran wang asing yang mencabar menyebabkan MSM mencatatkan margin keuntungan kasar sebanyak RM85.92 juta berbanding suku sebelumnya iaitu RM103.59 juta.

Menurutnya, keuntungan sebelum cukai pada suku kedua dicatatkan pada RM31.08 juta manakala keuntungan selepas cukai dicatatkan RM23.68 juta disebabkan oleh cabaran luar yang tidak mampu dikawal seterusnya meningkatkan kos pengeluaran.

“Saya yakin dengan rancangan agresif yang disertakan dalam pelan hala tuju strategik kami akan melindungi pendapatan, keuntungan dan nilai sasaran syarikat.” katanya.